

24 FEB 2000

DAIM-KDNK

DAIM UMUM KDNK SUKU KEEMPAT, PERTUMBUHAN EKONOMI '99 DI PARLIMEN ESOK

PUTRAJAYA, 24 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata angka Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) bagi suku keempat 1999 akan diumumkan semasa perbentangan semula Belanjawan 2000 di Dewan Rakyat esok.

Perdana Menteri memberitahu pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Teknologi Maklumat Negara (NITC) di sini bahawa Menteri Kewangan Tun Daim Zainuddin juga akan mengumumkan prestasi pertumbuhan ekonomi negara sepanjang tahun lepas esok.

Belanjawan 2000 akan dibentangkan semula setelah tidak sempat dibahas dan diluluskan oleh Dewan Rakyat apabila Parlimen dibubarkan bagi diadakan pilihan raya umum pada November lepas.

Baru-baru ini Dr Mahathir membayangkan unjuran KDNK negara tahun ini melebihi paras 4.3 peratus yang dianggarkan ketika Daim membentangkan Belanjawan 2000 pada Oktober lepas.

Bagi suku pertama 1999, pertumbuhan KDNK Malaysia adalah -1.3 peratus tetapi pulih kepada 4.1 peratus pada suku kedua.

Pada suku ketiga, ia melonjak kepada 8.1 peratus hasil pertumbuhan pesat ekonomi negara setelah pulih daripada kemelesetan ekonomi yang tercetus pada pertengahan 1997.

Sementara itu, mesyuarat NITC hari ini mendengar laporan berkenaan dengan penggunaan pengetahuan IT dalam pelbagai bidang seperti sosial dan industri.

Dr Mahathir berkata Malaysia telah menangani peralihan daripada industri ekonomi kepada k-ekonomi (knowledge-economy).

Katanya, peralihan itu sebenarnya tidaklah sesukar yang disangkakan.

Beliau berkata, "Kita masih dalam proses mempertingkatkan penggunaan maklumat dalam pengurusan pembangunan negara dari segi ekonomi, sosial, pendidikan dan lain-lain.

"Sekarang ini kerajaan juga menimbang sama ada kita boleh menggunakan pendekatan sebegini."

Dr Mahathir berkata penggunaan maklumat dapat mempertingkatkan prestasi.

Katanya, sebagai contoh, Persekutuan Pekilang-pekilang Malaysia (FMM) mempunyai ruang siber (portal) yang membolehkan anggotanya menggunakan maklumat yang dahulunya sukar diperolehi, untuk mempertingkatkan pengeluaran, pasaran dan hubungan.

Mengenai kenaikan harga-harga saham syarikat IT di Bursa Saham Kuala Lumpur kebelakangan ini, Dr Mahathir berkata ramai beranggapan syarikat-syarikat IT, terutamanya yang meletakkan ".com" diujung nama syarikat, berpotensi untuk maju walaupun banyak yang mengalami kerugian sebelum ini.

Perdana Menteri berkata syarikat-syarikat itu mempunyai masa depan yang cerah, sambil memberikan contoh "amazon.com"

"Orang membeli saham ini untuk keuntungan modal. Dari segi ini, mereka tidak rugi," katanya.

-- BERNAMA

SHO MFJ MA